

Ruj Kami : Bil. (61) PTG.NS 10/17
Tarikh : September 2009

Pentadbir Tanah Daerah

Seremban
Port Dickson
Tampin
Kuala Pilah
Rembau
Jejebu
Jempol

Timbalan Pentadbir Tanah
Daerah Kecil Gemas

Y.Bhg. Dato' / Tuan,

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN 8/2009.

**KAUNTER PERSERAHAN EKSPRES (FAST TRACK) DI BAHAGIAN
PENDAFTARAN, PENTADBIRAN TANAH NEGERI SEMBILAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Majlis Tanah Negara yang bersidang pada 20 Disember 2008 telah memutuskan agar Kerajaan Negeri membuat semakan semula prosedur permohonan setiap urusan dalam Pentadbiran Tanah bagi menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan Pentadbiran Tanah.

3. Bagi memulakan usaha ke arah tersebut, Pentadbiran ini telah mewujudkan sistem Kaunter Perserahan Ekspres (Fast Track), di mana melalui sistem ini, mana-mana satu perserahan yang melibatkan hanya satu hakmilik akan didaftarkan dalam hari yang sama atau selewat-lewatnya keesokan harinya, iaitu dalam tempoh satu (1) hari bekerja. Sistem ini telah berjaya dilaksanakan di Pejabat Tanah dan Galian, Negeri Sembilan dan mendapat respon positif dari orang awam.

4. Sehubungan dengan itu, sistem tersebut kini dipanjangkan pula di setiap Pejabat Tanah Daerah di Negeri Sembilan. Y.Bhg. Dato' / Tuan kini perlu memastikan agar Unit Pendaftaran di Pentadbiran Y.Bhg. Dato' / Tuan mewujudkan sistem Kaunter Perserahan Ekspres (Fast Track) berkenaan.

...2/-

5. Y.Bhg. Dato' / Tuan perlu memantau keberkesanan sistem ini agar hasrat Kerajaan Negeri mencapai kualiti sistem penyampaian perkhidmatan yang optimum dalam Pentadbiran Tanah akan tercapai. Pentadbiran ini akan membuat pemantauan dari semasa ke semasa bagi mengenal pasti apa-apa isu yang timbul dalam melaksanakan penambahbaikan tersebut.

6. Arahan ini adalah berkuatkuasa serta-merta.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah.

(DATO' ZAFFARUDIN BIN SHARIF)

Pengarah Tanah dan Galian
Negeri Sembilan Darul Khusus.

s.k Setiausaha Sulit Kepada Y.A.B Menteri Besar Negeri Sembilan

YB. Setiausaha Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan

YB. Penasihat Undang-Undang Negeri, Negeri Sembilan

YB. Pegawai Kewangan Negeri, Negeri Sembilan

Edaran Dalaman

Timbalan Pengarah (Pg)

Timbalan Pengarah (Pd)

Penolong Pengarah (P/HM)

Penolong Pengarah (HM/S)

Penolong Pengarah (H)

Penolong Pengarah (P)

Penolong Pengarah (PT)

Penolong Pengarah (TM)

Penolong Pengarah (U)